

Tubuhnya PKFN akan mengakhiri suspen tentang 'bapa angkat'

Oleh BAHARUDIN LATIF

PERBADANAN Kemajuan Filem Nasional (PKFN) dijangka dibentuk sedikit masa lagi, dan ini akan mengakhiri sapsens sama ada perusahaan filem tempatan akhirnya akan mempunyai seorang 'bapa angkat'.

Tujuh tahun sudah berlalu sejak Pasukan Petugas Khas dilantik oleh Kabinet untuk meneliti berbagai masalah industri filem tempatan yang dalam tahun 1974 tidak menghasilkan sebuah filem pun.

Masa yang ditunggu-tunggu sudah tiba. Akta Perbadanan Kemajuan Filem Nasional memperuntukkan sejumlah \$17 juta bagi masa depannya di bawah Rancangan Malaysia Keempat.

Anlhnya, industri filem tempatan kini nampaknya dapat mengatasi beberapa masalahnya. Ini memandangkan terhasilnya penerbitan duabelas filem dalam 1979 yang mana hanya satu darinya oleh bukan Bumiputera.

Persaingan

Pencapaian ini adalah cemerlang, memandangkan purata filem Melayu yang diterbitkan di zaman kegemilangannya dalam tahun 50an dan 60an tidak melebihi 10 buah.

Pada asanya, tugas-tugas PKFN ialah bagi melindungi pengeluaran filem tempatan dan memecatkan pertumbuhan filem tempatan supaya di satu masa nanti akan dapat dihasilkan bilangan filem-filem Melayu yang cukup bagi menampung semua selera.

Antara lain matlamat, PKFN akan membetulkan ketidakseimbangan sekarang antara kepentingan Bumiputera dengan Bumiputera dan membantu Bumiputera mendapatkan sekurang-kurangnya 30 peratus penyertaan di ketiga-tiga cawangan industri tersebut iaitu, pengeluaran, pembahagian dan penayangan filem.

PKFN sendiri tidak akan melibatkan dirinya dalam kegiatan perdagangan secara langsung bagi mengelakkan

persaingan dengan pengeluaran tempatan.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata Kerajaan tidak berniat membiarkan PKFN mencapai penglibatan yang besar hingga akhirnya 'menenggelamkan' orang-orang yang hendak dibantu.

Menurut beliau, PKFN haruslah menumpukan perhatiannya mengadakan dayagial yang perlu bagi memajukan perusahaan itu agar filem-filem tempatan bertambah baik mutunya.

Masalah

Datuk Seri Dr. Mahathir menarik perhatian bahawa pindaan akan dibuat terhadap Akta PKFN jika pada satu masa nanti didapati ia gagal bergerak sebagai satu tenaga pembangkit dan penggiat industri tempatan itu.

Kuasa penting yang diberikan kepada PKFN ialah keupayaannya menubuhkan institut, pusat-pusat dan bengkel bagi menjalankan penyelidikan dan kegiatan-kegiatan yang dianggap perlu bagi menggiatkan pengeluaran filem.

Pada sekali pandang, nampaknya masalah yang menyepit pengusaha filem Bumiputera sejak beberapa tahun ini akan terhapus sebaik saja PKFN ditubuhkan.

Akan berakhirkah zaman ketika mana Bumiputera terpaksa 'melutut' kepada tuan-tuan-punya pawagam supaya menayangkan filem mereka yang diusahakan dengan bertungkus lumus.

Pengeluaran filem sekarang agak lebih mudah dengan kerja memproses memakan belanja lebih murah dengan adanya makmal filem warna baru di filem negara dan terdapatnya tuan-tuan-punya pawagam yang kini begitu senang hati menayangkan filem-filem keluaran Bumiputera demi muhibbah.

Bagaimanapun, keadaan yang memberangsangkan ini boleh mengakibatkan pasaran yang berlebihan.

Orang-orang filem seperti Jins Shamsuddin dan Jamil Sulong ber-

ulang kali menyebut kemungkinan timbulnya pengeluar-pengeluar filem yang hanya ingin mencari untung cepat dan ini boleh menjejaskan industri itu.

Banyak syarikat filem jatuh oleh kerana munculnya begitu ramal pengeluar filem seperti itu. Di Jepun, pengeluar-pengeluar filem mutu rendah menyebabkan ramai pengarah seperti Akira Kurosawa hampir borsara.

Filem-filem murah yang terlalu banyak akan menyebabkan hapusnya filem-filem yang baik, mengakibatkan timbulnya keadaan dimana filem-filem keluaran tempatan akan menghadapi sambutan merosot di pasaran.

Filem seperti 'ceritaku, ceritamu', 'bintang pujaan' dan 'langit tidak selalu cerah' sekalipun dilakukan oleh bintang-bintang utama, dan dengan warna dan publisiti besar-besaran, tidak lama dapat bertahan sebagai 'box office'.

Jina, yang menisfatkan penerbitan filem sebagai satu usaha serius yang memerlukan motif jujur di samping kebolehan yang tulen, dengan kuat menentang kemunculan pengeluar yang hanya gilaikan untung cepat.

Kadangkala, soal untung mungkin tidak merupakan hanya faktor penggerak. Seorang jutawan menubuhkan sebuah syarikat filem semata-mata untuk memenuhi impian kekasihnya, seorang penyanyi yang bercita-cita menakluki dunia lakonan filem.

Ada pula pengeluar yang menggunakan filemnya semata-mata untuk menonjolkan namanya, dan turut berkesan memainkan peranan penting tidak kira sama ada dirinya sesuai.

Ditolak

Penyusupan masuk pelagak-pelagak ke dalam industri ini akan hanya menimbulkan kacau termasuk terjejasnya filem yang begitu baik dihasilkan tetapi ditolak oleh penonton.

Kemungkinan ini berlaku tidak dapat dielakkan oleh kerana penonton Malaysia semakin sofistikated selera mereka setelah sering melihat filem-filem asing di tv dan pan-

gkung wayang.

Siri tv yang dianggap popular seperti The Sullivans, Centennial, Crown Court dan filem-filem seperti Network, Kramer vs Kramer, The China Syndrome dan Brubaker adalah beberapa darinya.

Sebaliknya, plot yang biasa digunakan dalam tahun 50an dan 60an tentang budak lelaki bertemu dengan gadis, diperhatikan oleh jiran-jiran yang suka masuk-campur atau ibu mertua yang cengil dan ibu tiri yang garang, sekarang sudah berlalu.

Di samping itu, filem tempatan mempunyai satu kekurangan yang besar menyebabkannya tertinggal bertahun-tahun di belakang filem asing — ketiadaan 'special effects'.

Oleh kerana penonton Malaysia tidak dapat melihat puting belung digambarkan secara begitu realistik, babak-bak perang dilakukan dengan begitu beria-ia malah lakonan yang memilikkan seperti perlanggaran kereta, yang difilemkan dengan ketepatan, mereka akan terus mengerumuni filem seperti 'hurricane', 'apocalypse now', 'Hooper' dan lain-lain.

Bagaimana dapat disalahkan mereka?

Bakab yang mudah seperti pertarungan sampai mati antara hero dengan orang jahat seperti dalam 'Sumpah Semerah Padi' menjadi bahan ketawa dan bukan sapsena.

Alahyarham P.Ramlee dan Hussain Haniff mengisil padat filem mereka dengan menggunakan kamera yang lama juga dan mengarahkan gerak-geri yang rancak bagi menghasilkan filem seperti 'Semerah Padi' dan 'Hang Jebat' yang boleh mengajar pembuat filem tentang teknik-teknik yang bernilai.

Sedangkan kedua orang yang handal dalam dunia fileman Melayu ini tidak pernah mendapat pendidikan formal dalam penerbitan filem.

Apa yang ada pada mereka hanyalah kesediaan mempelajari medium tersebut, keberanian mengeksperimen, ketiaan dan kejujuran dalam profesian mereka dan keperayaan tentang kebolehan mereka.

Dapatkah PKFN mengajar tentang hal ini? — Rencana Bernama.

Bahan asal dari Arkib